



# POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Jabatan Pertanian

**Whistle  
Blower**



# Polisi

## PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT Jabatan Pertanian

Maklumat diri anda  
dilindungi

**WHISTLEBLOWER**

**INTEGRITY**

# *Perutusan*

## KETUA PENGARAH PERTANIAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
Salam sejahtera.


Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia serta izinNya, kita berjaya membangunkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Pertanian. Polisi ini bertujuan menggalakkan dan memudahkan warga Jabatan Pertanian (DOA) untuk menyalur dan mendedahkan maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar yang berlaku di DOA atau yang melibatkan warga DOA.

Polisi ini dibangunkan selaras dengan inisiatif 3.1.1.5 Mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat di dalam Polisi Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 bagi Strategi 3: Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam di bawah risiko 3.1.1 iaitu wujudnya campur tangan pihak berkepentingan dalam mempengaruhi keputusan Lembaga Tender/ Sebut harga.

DOA komited dalam membangunkan industri pertanian negara melalui penyampaian perkhidmatan pengembangan dan pembangunan pertanian, perkhidmatan regulatori dan menguatkuasa akta-akta yang menjaga keselamatan dan kualiti makanan, melindungi industri pertanian negara dari ancaman perosak dan penyakit dari luar serta memudahkan perdagangan antarabangsa.

Bagi memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan warga DOA, ketelusan perolehan awam dan kredibiliti penguatkuasaan undang-undang perlu ditingkatkan. Segala aduan salah laku yang berlaku di kalangan warga DOA perlu diambil tindakan bagi mengelakkan ianya menjadi barah dan merosakkan imej DOA di masa hadapan.

Kesalahan-kesalahan yang berlaku perlu dikesan dengan pantas dan pihak-pihak yang mengetahui kejadian salah laku tersebut perlu membuat pendedahan menggunakan saluran yang betul. Pendedahan dan aduan daripada orang awam dan warga DOA amat diperlukan untuk melaporkan Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.



Sekalung tahniah diucapkan kepada Unit Integriti DOA kerana berjaya menghasilkan buku Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Pertanian. Saya berharap agar buku yang dihasilkan ini dapat menggalakkan pendedahan ke atas sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang menyalahi undang-undang dan peraturan sedia ada di kalangan warga DOA dan menghilangkan kegusaran dalam kalangan Pemberi Maklumat melalui perlindungan sewajarnya mengikut syarat yang telah ditetapkan di dalam polisi ini.

Sekian, terima kasih.



**DATUK MOHD. NASIR BIN WARRIS**

Ketua Pengarah Pertanian  
Jabatan Pertanian

Tarikh: 31 Mei 2021

# KEGAGALAN MELAPOR adalah SATU KESALAHAN

Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009

1. **DENDA:** Tidak lebih RM100,000
2. **PENJARA:** Tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali

Gagal melapor permintaan atau memperoleh suapan di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009

1. **DENDA:** Tidak lebih RM10,000
2. **PENJARA:** Tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali



# *Kata-kata Aluan*

## KETUA UNIT INTEGRITI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
Salam integriti.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Pertanian dapat dibangunkan khusus untuk warga DOA selaras dengan salah satu inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025.

Polisi ini diwujudkan berpandukan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]. Ia dibangunkan bukan sahaja bagi menangani risiko wujudnya campur tangan pihak berkepentingan dalam mempengaruhi keputusan Lembaga Tender/ Sebutharga tetapi juga untuk menangani pelanggaran aspek pematuhan tadbir urus dan tatatertib dengan mengambilkira perundangan yang diamalkan dalam pelbagai aspek dengan mengadaptasi prinsip dan amalan yang bersesuaian dengan keadaan semasa di DOA.

Pembangunan polisi ini bagi menggalakkan penyaluran maklumat berkaitan sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku di kalangan warga DOA secara dalaman sebelum mencari penyelesaian luar. Polisi ini memberi peluang kepada semua warga kerja DOA, pelanggan, perunding, vendor, kontraktor, agensi atau mana-mana pihak lain (*stakeholder*) untuk mendedahkan sebarang kelakuan tidak beretika atau penyelewengan mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah polisi ini serta memberi perlindungan kepada pihak berkaitan yang mendedahkan salah laku tersebut.


Saya berharap agar polisi ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dan pendedahan salah laku dilakukan secara bertanggungjawab dan tidak berniat jahat dengan memberikan maklumat palsu.

Sekian, terima kasih.



**MAZNAH BINTI CHE MUDA**  
Ketua Unit Integriti  
Jabatan Pertanian





'Kezaliman akan terus ada bukan kerana banyaknya orang-orang jahat tetapi kerana diamnya orang-orang baik.'

~ Ali bin Abi Talib ~



# ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah Pertanian	ii
Kata-Kata Aluan Ketua Unit Integriti	v
1.0 Pengenalan	1
2.0 Objektif Polisi	3
3.0 Tafsiran	5
4.0 Perkara Yang Boleh Didedahkan	6
5.0 Prosedur Menyalurkan Pendedahan	7
6.0 Kriteria Pemberi Maklumat Yang Dilindungi	8
7.0 Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat	8
8.0 Pembatalan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat DOA	9
9.0 Tanggungjawab Pegawai Penerima Maklumat	9
10.0 Tanggungjawab Unit Integriti, DOA	9
11.0 Pematuhan Polisi	9
12.0 Tarikh Kuatkuasa	9
Rujukan	10
Lampiran 1: Carta Alir Prosedur Pengurusan Aduan	11





*"To see a wrong and not to expose it,  
is to become a silent partner to its continuance"*

A person wearing a dark suit, white shirt, and dark tie is holding a white rectangular sign in front of their face. The sign has the words "Whistle Blower" written in large, bold, black capital letters. The person's hands are visible at the corners of the sign.

# Whistle Blower

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Polisi ini merupakan polisi dalaman Jabatan Pertanian (DOA) yang menyokong visi dan misi DOA.
- 1.2 Polisi ini merupakan satu kaedah di mana pendedahan dilaksanakan oleh seseorang mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan warga DOA.
- 1.3 Polisi ini dirangka selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [Akta 711] bagi membolehkan seseorang untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku atau apa-apa tingkah laku yang tidak wajar (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta 711) seawal mungkin tanpa rasa gentar.
- 1.4 Polisi ini juga memastikan bahawa individu membuat pendedahan secara bertanggungjawab apabila mengesyaki berlakunya sesuatu perkara yang tidak wajar.
- 1.5 Polisi ini berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut:
  - 1.5.1 Polisi ini selaras dengan inisiatif 3.1.1.5 Mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat di dalam Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025. Ketiadaan polisi ini menyebabkan perasaan takut dan terancam untuk menyalurkan maklumat berkaitan rasuah dan salah laku.
  - 1.5.2 DOA komited dalam meningkatkan etika kerja dan nilai integriti di kalangan warga DOA semasa melaksanakan tugas. Kesalahan seperti penipuan, penyelewengan, rasuah, kesalahan kewangan yang serius dan kesilapan pengurusan yang melampau perlu dilaporkan mengikut mekanisme pengurusan aduan DOA (Lampiran 1).
  - 1.5.3 Polisi ini menjadi pelengkap kepada saluran aduan sedia ada di DOA dan merupakan kaedah alternatif untuk warga DOA memberi maklumat sekiranya saluran aduan sedia ada tidak boleh digunakan apabila aduan adalah berkenaan penyelia terdekatnya atau ketuanya.
  - 1.5.4 Polisi ini menggalakkan orang awam dan kakitangan DOA untuk tampil sebagai Pemberi Maklumat atau menyalurkan aduan berkenaan Kelakuan Tidak Wajar kakitangan DOA mengikut prosedur yang ditetapkan.
  - 1.5.5 Polisi ini menunjukkan komitmen DOA dalam mencapai tahap pematuhan undang-undang yang tinggi. Penerapan polisi ini di dalam amalan dan budaya kerja dapat meningkatkan integriti di kalangan warga DOA.

## HURAIAN

### AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 bertujuan untuk memerangi rasuah dan salah laku dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dalam sektor awam dan swasta terutamanya salah laku berkaitan jenayah.



Akta ini menggalakkan dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan sebarang perbuatan rasuah dan salah laku lain serta mendapat perlindungan.



Akta ini memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit Pemberi Maklumat, perlindungan terhadap Tindakan Yang Memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh Pemberi Maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasa.



Akta ini memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap Kelakuan Tidak Wajar dan terhadap aduan Tindakan Yang Memudaratkan serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk membuat perintah bagi Remedi.



## 2.0 OBJEKTIF POLISI

Tujuan polisi ini dibangunkan adalah:

- 2.1 Menggalakkan mana-mana orang untuk tampil memberi maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar di kalangan warga DOA.
- 2.2 Memberi jaminan kepada mana-mana orang bahawa terdapat perlindungan daripada Tindakan Yang Memudaratkan sekiranya hadir membuat laporan atau memberi maklumat dengan niat suci hati "*good faith*".
- 2.3 Supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan Kelakuan Tidak Wajar oleh mana-mana warga DOA.



### UNIT INTEGRITI



# JANGAN GENTAR!!!

Pemberi Maklumat dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan.

1. PEMBERI MAKLUMAT adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65 Akta SPRM 2009.
2. PEMBERI MAKLUMAT boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
3. PEMBERI MAKLUMAT yang menjadi SAKSI bagi sesuatu kes rasuah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

Personal  
Data Protection



### 3.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan polisi ini,

#### 3.1 Agensi penguatkuasaan

- (i) mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan, agensi kementerian, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- (ii) suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau
- (iii) suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan.

#### 3.2 Kelakuan Tidak Wajar

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tata tertib atau kesalahan jenayah.

#### 3.3 Maklumat Sulit

- (i) maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya-
  - (a) seseorang pemberi maklumat; dan
  - (b) seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
- (ii) maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
- (iii) maklumat yang, jika didedahkan boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

#### 3.4 Pemberi Maklumat

Mana-mana orang yang membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar kepada agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 [Akta 711].

#### 3.5 Tindakan Yang Memudaratkan

- (i) tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
- (ii) ugutan atau gangguan;

- (iii) gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
- (iv) suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (i) hingga (iii).

#### **4.0 PERKARA YANG BOLEH DIDEBAHKAN**

4.1 Suatu pendedahan boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan mana-mana salah laku berikut oleh seseorang yang mempunyai urusan rasmi dengan DOA:

4.1.1 Rasuah/penipuan;

4.1.2 Kesalahan jenayah;

4.1.3 Salah guna wang atau harta DOA;

4.1.4 Kesalahan tatatertib;

4.1.5 Kesilapan pengurusan wang yang melampau dalam DOA;

4.1.6 Ketirisan hasil Kerajaan dan/atau penyelewengan peruntukan Kerajaan dalam DOA;

4.1.7 Suatu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga DOA atau orang awam;

4.1.8 Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana Akta dan Peraturan yang berkuatkuasa; atau

4.1.9 Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesalahan/mana-mana kesalahan di atas.

4.2 Polisi ini tidak memasukkan isu-isu atau aduan mengenai:

4.2.1 Perkara-perkara yang remeh, menyusahkan atau tidak serius;

4.2.2 Perkara-perkara yang mempunyai niat jahat atau didorongi oleh agenda peribadi;

4.2.3 Perkara-perkara yang melibatkan dasar Kerajaan terutamanya dasar/polisi DOA;

4.2.4 Perkara-perkara yang melibatkan pendedahan atau maklumat palsu;

- 4.2.5 Perkara-perkara yang didedahkan dengan motif untuk mengelakkan dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain;
- 4.2.6 Perkara-perkara yang didedahkan dimana Pemberi Maklumat sendiri terlibat dengan salah laku tersebut;
- 4.2.7 Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui pihak berkuasa atau mahkamah, penimbangtaraan atau lain-lain prosiding yang serupa.

## 5.0 PROSEDUR MENYALURKAN PENDEDAHAN

5.1 Satu pendedahan boleh dilaksanakan dengan menggunakan salah satu saluran seperti berikut:

- Bersemuka / hadir sendiri ke pejabat
- Email : [integriti@doa.gov.my](mailto:integriti@doa.gov.my)
- Telefon : 03-8870 3166
- Sistem aduan integriti : e-integriti di dalam laman sesawang DOA
- Surat : Unit Integriti, Jabatan Pertanian,  
Wisma Tani, Aras 14,  
No. 30, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62624 PUTRAJAYA

5.2 Satu pendedahan mesti mengandungi sekurang-kurangnya butiran Pemberi Maklumat seperti berikut:

- Nama
- Nombor Kad Pengenalan
- Alamat email
- Alamat lengkap
- Alasan munasabah untuk laporan termasuk sebanyak mungkin maklumat kesalahan seperti tarikh, lokasi, jenis kesalahan, identiti pesalah dan lain-lain maklumat berkaitan.

5.3 Mana-mana maklumat tanpa butiran seperti di perkara 5.2 yang menyebabkan Pemberi Maklumat tidak boleh dihubungi seperti surat layang, DOA berhak mengabaikan atau tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap maklumat yang telah disalurkan itu.

5.4 Pemberi Maklumat mungkin akan diminta tampil secara bersemuka (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan yang lebih lanjut mengenai laporan aduan yang disalurkan.



## 6.0 KRITERIA PEMBERI MAKLUMAT YANG DILINDUNGI

- 6.1 Pemberi Maklumat bersedia untuk dikenali oleh Pegawai Integriti;
- 6.2 Pemberi Maklumat hadir sendiri dan berjumpa Pegawai Integriti sama ada di pejabat atau di mana-mana tempat;
- 6.3 Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat melalui surat/ email, Pemberi Maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana boleh dihubungi.

## 7.0 PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

- 7.1 Setelah pendedahan disalurkan, Pemberi Maklumat akan dilindungi mengikut polisi ini seperti berikut:
  - (a) Hanya Pegawai Penerima Maklumat sahaja mengetahui identiti Pemberi Maklumat.
  - (b) Sebarang maklumat lanjut diperlukan daripada Pemberi Maklumat oleh mana-mana pihak seperti Jawatankuasa Siasatan, pihak Pengurusan DOA dan sebagainya hendaklah melalui Pegawai Penerima Maklumat sahaja.
- 7.2 Perlindungan Terhadap Tindakan Yang Memudaratkan
  - (a) Tiada seorang pun boleh mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap seseorang Pemberi Maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan Pemberi Maklumat itu sebagai tindakan balas terhadap pendedahan Kelakuan Tidak Wajar.
  - (b) Seseorang Pemberi Maklumat boleh menyalurkan aduan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan sekiranya terdapat apa-apa Tindakan Yang Memudaratkan.



## **8.0 PEMBATALAN POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DOA**

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat akan terbatal jika Pemberi Maklumat yang menyalurkan pendedahan seperti di perenggan 4.2 dan dengan sengaja mendedahkan identitinya sebagai Pemberi Maklumat.

## **9.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENERIMA MAKLUMAT**

Pegawai Penerima Maklumat hendaklah bertanggungjawab menerima maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar dan menguruskan maklumat tersebut.

## **10.0 TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI, DOA**

Unit Integriti, DOA setelah menerima maklumat daripada Pegawai Penerima Maklumat hendaklah mengambil tindakan yang wajar berdasarkan peruntukan kuasa sedia ada.

## **11.0 PEMATUHAN POLISI**

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini hendaklah dipatuhi oleh semua warga DOA.

## **12.0 TARIKH KUATKUASA**

Pelaksanaan polisi ini berkuatkuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.




## RUJUKAN

1. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]
2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993/ P.U.(A) 395/1993
3. Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, 18 Januari 2011
4. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia
5. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Kementerian Dalam Negeri
6. Polisi Rujukan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar, Kementerian Kesihatan Malaysia
7. Polisi Pemberi Maklumat FELDA (FELDA Whistle Blowing), Edisi Kedua (2018)
8. Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
9. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Jabatan Pendaftaran Negara
10. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
11. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak

LAMPIRAN 1

**CARTA ALIR  
PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN  
UNIT INTEGRITI JABATAN PERTANIAN**





“Those who conduct themselves with morality, integrity and consistency need not fear the forces of inhumanity and cruelty”

~ Nelson Mandela ~



Jabatan Pertanian  
Unit Integriti  
Aras 14, Wisma Tani,  
No.30, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62624 Putrajaya, Malaysia

Tel : 03-8870 2484 / 3170  
[www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)